

## Etnik Tombonuo

### Sinopsis

Etnik Tombonuo merupakan etnik yang mempunyai budaya dan kepercayaan tersendiri. Etnik tombonuo membuat penempatan di daerah Paitan dan berkembang hingga ke Pitas, Kudat dan daerah-daerah lain di negeri Sabah.

Etnik Tombonuo mempunyai artifak budaya yang dipanggil Orata (Khazanah warisan turun-temurun) yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Artifak yang unik dalam etnik Tombonuo adalah seperti *Ungkup* yang sangat bernilai pada masa dahulu sehinggalah kini.

Dapatan daripada hasil kajian ini telah menambahkan sedikit sebanyak bahan rujukan mengenai etnik Tombonuo untuk lebih dikenali oleh masyarakat luar dan membuka ruang kepada para pengkaji untuk mengkaji dengan lebih dalam aspek budaya etnik Tombonuo.

## BAB 17

### ARTIFAK BUDAYA

#### 17.0 Pengenalan

Artifak budaya etnik Tombonuo atau *orata* (khazanah warisan turun-temurun) merupakan tinggalan nenek moyang yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Bab ini membincangkan artifak budaya yang masih wujud sehingga kini dalam etnik Tombonuo. Antara artifak tersebut adalah seperti keris, *ungkup*, *solapa*, *sili sokunak*, *kuron* (periuk) dan *montaya* (tempayan).

#### 17.1 Keris Pusaka

Gambar di bawah menunjukkan keris pusaka yang pernah digunakan sebagai senjata menentang tentera Jepun semasa penjajahan Jepun di daerah Pitas. Keris pusaka ini telah diwariskan secara turun-tumurun kepada generasi baru (generasi ke-5) pada hari ini.



*Keris Pusaka*

## 17.2 Orata (Khazanah Warisan Turun-Temurun)

Etnik Tombonuo mempunyai *orate* (harta) peninggalan nenek moyang yang masih wujud pada hari ini. Antara harta peninggalan tersebut termasuklah *ungkup*, *gadur*, *botukul*, *kulintangan*, *agung*, dan sebagainya. Setiap barang ini sangat berharga kerana amat berguna dalam urusan adat istiadat etnik Tombonuo. Pada masa dahulu barang-barang tersebut juga digunakan dalam kehidupan seharian seperti dalam pertukaran (sistem barter). Berikut merupakan gambar jenis-jenis harta yang amat bernilai dalam etnik Tombonuo.

### 17.2.1 Ungkup



*Gabungan ungvkup borotukar dan tinompok*



*Ungkup borotukar*



*Ungkup poringana*

Harta dalam keluarga *ungkup* etnik Tombonuo mempunyai bahagian-bahagian tertentu iaitu *borotukar*, *longuai*, *poringana* dan *tinompok*. *Ungkup* digunakan sebagai alat pertukaran barang, sebagai bayaran denda adat istiadat Tombonuo, penyimpanan alat *pongingatan* atau untuk menyimpan barang-barang berharga seperti wang dan emas.



*Ungkup Borotukar*



*Ungkup Tinompok*

*Ungkup tinompok* merupakan koleksi *ungkup* yang terkenal dalam kalangan etnik Tombonuo. Barang-barang ini diwarisi secara turun-tumurun dan amat diperlukan terutamanya dalam tradisi perkahwinan etnik Tombonuo. Selain itu, *ungkup* juga digunakan sebagai salah satu alat untuk membayar denda yang dijatuhkan kepada seseorang yang didapati bersalah menurut adat istiadat etnik Tombonuo.



*Ungkup Longuai*

### 17.2.2 Solapa

Koleksi *solapa* Tombonuo yang digunakan sebagai alat penyimpanan *pongingatan*. *Pongingatan* terdiri daripada pinang, *sigup* (tembakau), sirih, *tigur* (kirai) dan kapur.



*Gabungan solapa piatang dan solapa langkap nu anak*

### 17.2.3 Sili Sokunak

*Sili* merupakan alat yang digunakan untuk memasak air dan merebus ubat-ubatan bagi merawat penyakit.



*Sili Sokunak*

### 17.2.4 Kuron (Periuk)

*Kuron* merupakan peralatan tradisional etnik Tombonuo yang diperbuat daripada tanah liat dan digunakan untuk memasak makanan seperti nasi dan *sinolui* (*biamban*).



*Kuron (periuk)*

### 17.2.5 *Montaya* (Tempayan)

*Montaya* ialah bekas yang digunakan untuk mengumpul air atau tempat menyediakan tapai. Selain itu *montaya* juga digunakan untuk membuat *tamba* (*budu*).



*Montaya* (tempayan)

### 17.3 Penutup

*Orata* atau khazanah warisan turun-temurun merupakan harta etnik Tombonuo yang sangat berharga kerana barangan tersebut telah diwarisi sejak daripada nenek moyang mereka lagi. Pada zaman dahulu *orata* digunakan sebagai alat pertukaran barang atau untuk menyimpan barang-barang berharga seperti wang dan emas. Pada masa kini *orata* digunakan sebagai bayaran denda menurut adat istiadat Tombonuo dan sangat diperlukan terutamanya dalam tradisi perkahwinan etnik Tombonuo.